



# KETAHUI! BAHAYA BEGUK

pada si manja yang sedang membesar

BEGUK IALAH SEJENIS ANCAMAN KESIHATAN YANG BOLEH DIHADAPI OLEH KANAK-KANAK YANG BERUSIA SEAWAL TIGA TAHUN. BAGI MENGETAHUI LEBIH LANJUT MENGENAI PERKARA INI, WARTAWAN AZMA MOHD LAZIM MENEMU RAMAH DR. ROSNI JAMALLUDIN, PAKAR KANAK-KANAK KPJ KLANG.



**B**eguk ialah radang atau pembengkakan pada bahagian kelenjar air liur sama ada kelenjar parotid, submandibular atau sublingual yang disebabkan oleh virus mumps (kuman *paramyoxoviridae* daripada virus genus *rubula*). Dalam kebanyakan kes (75%) yang berlaku melibatkan kelenjar parotid. Proses inkubasi ialah kira-kira 16 hingga 18 hari sebelum terjadinya pembengkakan. Ia disebabkan oleh si manja yang terdedah secara terus kepada jangkitan menerusi pendedahan kepada rembesan air liur (*direct droplet transmission*) seperti melalui bersin, batuk atau ciuman.

## GEJALA BEGUK

Beguk boleh menyebabkan gejala seperti berikut:

- Pembengkakan pada kelenjar.
- Sakit pada bahagian pipi di mana kelenjar itu berada. Lebih besar bengkak, lebih menyakitkan.
- Demam terlebih dahulu (semasa inkubasi) atau semasa pembengkakan berlaku.
- Selesama dan batuk.
- Ada kanak-kanak yang mengalami masalah sakit pada sendi-sendiri dan bahagian badan.
- Rasa perit dan tidak selesa.
- Sakit ketika menelan air liur dan mengunyah.
- Sakit di bahagian telinga dan leher serta ada kalanya menyebabkan sakit kepala akibat bengkak yang berlaku di belakang telinga sehingga ke dagu.

## INFO

Majoriti kes beguk boleh berlaku pada kedua-dua belah kelenjar kiri dan kanan manakala 25 peratus lagi hanya berlaku kepada sebelah kelenjar.

## RAWATAN DAN KUARANTIN

Menurut Dr Rosni tiada satu rawatan yang tepat yang boleh spesifik boleh dilakukan untuk menyembuhkan beguk kecuali ubat-ubatan yang boleh merawat gejalanya. Selalunya pesakit akan diberikan preskripsi yang bersesuaian dengan gejala yang dihadapi seperti ubat tahan sakit dan ubat demam. Selain itu, si manja yang menghidap beguk akan dinasihatkan minum banyak air serta berehat secukupnya.

Ibu bapa boleh melakukan kuarantin kepada si manja yang menghidap beguk dengan memastikan mereka tinggal di dalam bilik berasingan. Jika perlu keluar untuk mendapatkan rawatan dan sebagainya, pakailah topeng penutup

hidung dan mulut serta sentiasa memastikan tahap kebersihan berada di tahap optimum. Bagi ibu bapa yang merawat anak beguk perlulah kerap membasuh tangan selepas bersentuhan dengan anak yang sakit bagi mengelakkan ia berjangkit.

## BAHAYA BEGUK KEPADA KANAK-KANAK

Majoriti jangkitan adalah ringan dan akan pulih dengan sendiri. Namun, ada segelintir pesakit yang menghadapi risiko komplikasi seperti berikut;

- Radang otak atau *encephalitis*.
- *Meningitis* atau radang selaput otak.
- *Orchitis* atau radang pada testis (bagi lelaki).



## PENCEGAHAN DAN VAKSIN

Beguk boleh dicegah melalui pemberian vaksin *Mumps, Measles and Rubella* (MMR) yang telah disenaraikan dalam Program Imunisasi Kebangsaan ketika bayi berumur sembilan bulan (dos pertama) dan 12 bulan (dos kedua).

Vaksin ini diberikan sekali lagi semasa kanak-kanak berusia tujuh tahun. Walau bagaimanapun, penerimaan vaksin perlulah melebihi 85% hingga 90% daripada populasi untuk menjamin keberkesanannya (*HERD immunity*).

Sayangnya, sejak akhir-akhir ini ramai di kalangan anggota masyarakat mengambil mudah mengenai vaksin dan tidak mahu mengambilnya atas pelbagai sebab yang tidak munasabah. Keadaan ini boleh menyebabkan virus beguk kembali menular dalam masyarakat akibat tiadanya *Herd immunity*. Anggota masyarakat yang paling berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan ini ialah kanak-kanak yang terlalu kecil atau muda, pesakit yang mempunyai tahap imun yang rendah seperti pesakit kanser yang menerima rawatan kemoterapi, pesakit kronik yang mengambil rawatan steroid dan lain-lain.